

08 SEP 2003

Mahathir-PBS

DR MAHATHIR YAKIN PBS PERKUATKAN BN HADAPI PILIHAN RAYA SABAH

KOTA KINABALU, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin sokongan terhadap Barisan Nasional (BN) negeri akan bertambah pada pilihan raya akan datang berikutan penyertaan semula Parti Bersatu Sabah (PBS) ke dalam BN.

Beliau berkata ini kerana sokongan terhadap BN kini menyeluruh dan tiada parti lawan yang boleh mengugut kekuatannya.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, meminta rakyat negeri menolak calon bebas yang mungkin menyertai pilihan raya semata-mata untuk tujuan "kacau daun" atau mencari kesempatan diri sendiri.

"Saya harap rakyat Sabah tidak akan tertipu dengan taktik calon bebas ini," katanya ketika merasmikan perhimpunan perwakilan PBS ke-18 di Dewan Hongkod Koisaan, dekat sini hari ini.

Dr Mahathir yang gembira kerana PBS telah kembali kepada BN, berkata "PBS bukanlah musuh cuma kadang-kadang terdapat perbezaan pendapat".

"Dalam politik, adakalanya kita jadi lawan...adakalanya kita jadi kawan dan yang jadi lawan kemudian jadi kawan tetapi jangan ingat bahawa ini adalah perkara biasa.

"Sebenarnya kalau kita lihat keadaan di negara-negara lain apabila mereka bermusuhan antara satu parti dan parti yang lain, maka permusuhan itu akan menjadi lebih kuat sehingga berlaku rusuhan kadang-kadang sehingga berlaku peperangan dan bunuh-membunuh," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata di Malaysia, rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum mempunyai pendirian sederhana dan "sebab itu walaupun ada perbezaan pendapat, kita boleh hidup bersama dan kita boleh kembali jadi kawan".

"Negara kita Malaysia amat bertuah kerana kalau kita perhatikan di negara lain yang mempunyai masyarakat majmuk, mereka tidak pernah aman dan tentu sekali tidak dapat dimajukan.

"Walaupun ada perbezaan yang ketara di Malaysia, negara kita aman kerana kita percaya kepada perkongsian...tiada sesiapa yang ingin mengambil untuk dirinya semua...semua kuasa dan semua kekayaan dalam negara adalah milik kita bersama," kata beliau.

Perdana Menteri berkata konsep perkongsian kuasa yang diamalkan BN menyaksikan penyertaan semua kaum untuk membangunkan negara, sekaligus memastikan keamanan dan kestabilan politik.

"Kita lebih rela berkongsi kerana apabila berkongsi, negara kita akan jadi aman, akan tumbuh dan akan menjadi lebih kaya sehingga bahagian kita akan menjadi lebih besar.

"Perkongsian ini bukan perkongsian pura-pura tetapi perkongsian sebenar," katanya.

Dr Mahathir berkata sebagai contoh, semua 14 parti komponen BN mempunyai jumlah wakil yang sama -- tiga orang, tanpa mengira kecil atau besarnya parti yang diwakili -- pada setiap mesyuaratnya dan anggotanya pula bebas menyuarakan pendapat mereka.

Beliau berkata konsep perkongsian telah dipraktikkan sejak penubuhan Parti Perikatan dahulu apabila tiga kaum utama di Semenanjung -- Melayu, Cina dan India -- bersetuju untuk berkongsi kuasa demi kebaikan semua kaum.

Perdana Menteri berkata negara mungkin tidak akan memperolehi kemerdekaan pada tahun 1957 sekiranya kaum utama di Semenanjung tidak bersatu, dan selepas penubuhan Malaysia, konsep perkongsian itu diperluaskan ke Sabah dan Sarawak.

"Kita bukan menakluk Sabah dan Sarawak tetapi kita berkongsi Malaysia yang lebih besar antara kaum utama (di Semenanjung) dengan kaum Kadazandusun, Murut, Bajau dan Iban (Sarawak)," katanya.

Dr Mahathir berkata perpaduan semua kaum adalah asas perjuangan utama BN dan sebab itu, sokongan terhadap BN begitu meluas di seluruh negara.

"Bukan niat kita ambil hak sesiapa tetapi kita kena buat korban untuk kepentingan umum dan kita dapati orang lain juga perlu berkorban untuk kepentingan kita," katanya.

Beliau berkata banyak pihak, terutama masyarakat Cina, merasa curiga apabila beliau dilantik menjadi Perdana Menteri kira-kira 22 tahun lepas kerana takut ditekan.

"Pada masa itu, saya tidaklah popular tetapi sekarang sangkaan mereka itu meleset dan tidak benar.

"Kita di Malaysia sukakan kepada perpaduan dan kita tidak tamak untuk diri kita..kita sanggup berkongsi demi kebaikan bersama," katanya.

-- BERNAMA

NT RON